



1. Adakah UMCCed bernaung di bawah Universiti Malaysia atau sebuah Kolej Swasta?

Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaysia atau lebih dikenali sebagai UMCCed merupakan sebuah Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Universiti Malaysia (UM) dan merupakan Institut Pengajian Tinggi Awam. Ini bermakna pelajar yang mengikuti program UMCCed akan memperoleh sijil yang akan dikeluarkan oleh Universiti Malaysia.

2. Apakah program Diploma Eksekutif yang ditawarkan di UMCCed?

UMCCed menawarkan sebelas (11) program diploma eksekutif iaitu:

1. Diploma Eksekutif Pengurusan (Pentadbiran dan Operasi)
2. Diploma Eksekutif Pengurusan (Perniagaan)
3. Diploma Eksekutif Pengurusan (Sumber Manusia)
4. Diploma Eksekutif Pendidikan Awal Kanak-kanak
5. Diploma Eksekutif Kaunseling
6. Diploma Eksekutif Pentadbiran Perakaunan
7. Diploma Eksekutif Teknologi Maklumat
8. Diploma Eksekutif Syariah
9. Diploma Eksekutif Usuluddin
10. Diploma Eksekutif Sains Kejurulatihan
11. Diploma Eksekutif Penguatkuasaan Undang-undang

3. Apakah kelebihan program Diploma Eksekutif Universiti Malaysia berbanding universiti/kolej lain?

Kesemua program Diploma Eksekutif diakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Program diploma eksekutif adalah setaraf dengan program diploma di mana pelajar perlu mengikuti sejumlah minimum 90 jam kredit selama 2 tahun 6 bulan (6 semester). Kelebihan-kelebihan lain program ini turut boleh diperolehi melalui menerusi laman web UMCCed di www.umcced.edu.my

4. Apakah kelayakan masuk program Diploma Eksekutif UMCCed?

Calon mesti memenuhi syarat berikut :

- I. Lulus SPM dengan minimum tiga (3) kredit atau setara: ATAU
- II. Mendapat Sijil APEL daripada MQA untuk kemasukan ke Diploma (Tahap 4); ATAU
- III. Mendapat kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat; DAN
- IV. Mempunyai sekurang-kurangnya enam (6) bulan pengalaman bekerja; DAN
- V. Memenuhi keperluan khas program yang ditetapkan oleh Senat.

5. Adakah calon bukan tahun semasa SPM layak untuk memohon program Diploma eksekutif di UMCCed?

Ya, pelajar bukan tahun semasa SPM layak memohon untuk program Diploma eksekutif di UMCCed.

6. Adakah pelajar antarabangsa juga layak untuk memohon program ini?

Ya, pelajar bukan warganegara layak untuk mengikuti sekiranya calon memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan oleh pihak UMCCed.

7. Adakah program Diploma Eksekutif UMCCed diiktiraf oleh MQA?

Semua program Diploma UMCCed mendapat pengiktirafan penuh daripada pihak MQA. Maklumat mengenai pengiktirafan ini boleh diperolehi melalui laman web MQA berikut <http://www.mqa.gov.my/MQR/english/eiptaKPListAA.cfm?IDAKrIP TS=251>

8. Adakah program pengajian dan kelayakan yang terdapat dalam MQR akan diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atau badan profesional?

Semua program Diploma Eksekutif UMCCed mendapat pengiktirafan penuh daripada pihak JPA. Maklumat mengenai pengiktirafan ini boleh diperolehi melalui laman web JPA berikut <https://app.mohe.gov.my/iktiraf/semakan.php>

9. Adakah terdapat proses temuduga atau ujian bertulis untuk memohon ke UMCCed?

Tidak. Pelajar tidak perlu ditemuduga atau mengambil sebarang ujian bertulis untuk memohon ke UMCCed.

10. Apakah mod pembelajaran bagi program Diploma Eksekutif di UMCCed?

Mod pembelajaran bagi program ini adalah dijalankan secara separuh masa bersemuka sepenuhnya atau bersemuka dan dalam talian (Blended mode) serta kelas diadakan pada hari bekerja atau hujung minggu bergantung kepada program.

11. Adakah lepasan diploma eksekutif UMCCed layak memohon program ijazah di mana-mana universiti?

Lepasan diploma eksekutif UMCCed tidak mempunyai sebarang masalah untuk memohon dan menyambung pengajian di mana-mana IPTA/IPTS tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh IPTA/IPTS berkenaan.

12. Apakah jaminan laluan kerja dan akademik bagi pelajar yang mengikuti program Diploma Eksekutif Universiti Malaysia ini?

Graduan lulusan diploma eksekutif UM berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di mana-mana IPTA dan IPTS dalam negara namun tertakluk kepada kuota serta syarat-syarat tambahan yang ditetapkan bagi setiap universiti. Selain itu, graduan juga layak menjawat mana-mana jawatan yang bersesuaian di agensi kerajaan dan swasta namun tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan awam serta kriteria lain yang ditetapkan oleh sesebuah organisasi/syarikat.

13. Adakah calon yang tidak memenuhi syarat kemasukan layak memohon?

Calon yang tidak memenuhi syarat minimum yang ditetapkan tidak layak untuk mengikuti program diploma eksekutif yang ditawarkan.

14. Adakah calon pelajar yang tidak berjaya dalam permohonan ke Diploma Eksekutif UMCCed boleh memohon rayuan?

Ya, bagi pelajar yang tidak berjaya dalam permohonan mereka boleh memohon rayuan.

15. Siapakah tenaga pengajar program?

Tenaga pengajar terdiri daripada pensyarah UM serta pensyarah yang dilantik oleh pihak UM serta mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman dalam bidang berkaitan.

16. Apakah bahasa perantaraan program (medium of instruction)?

Program akan dikendalikan dalam Dwibahasa (BI/BM).

17. Adakah pelajar yang tamat pengajian akan menerima skrol bersama dengan pelajar program ijazah pada Istiadat Konvokesyen UM?

Ya, Pelajar yang tamat pengajian akan menerima skrol masing-masing dalam Majlis Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia di Dewan Tunku Canselor UM.

18. Dimanakah lokasi pembelajaran program Diploma Eksekutif ini?

Program diploma eksekutif ini akan dijalankan di lokasi seperti berikut: Pusat Pendidikan Berterusan (UMCCed), Universiti Malaysia Kampus Cyberjaya, Bangunan CV23, Jalan Teknokrat 3, Cyber 4, 63000 Cyberjaya

19. Berapakah yuran pengajian program Diploma Eksekutif UMCCed?

Yuran pengajian program diploma eksekutif adalah seperti jadual berikut:

BIDANG	'Blended' & Fizikal
Pengurusan (Pentadbiran dan Operasi) Pengurusan (Sumber Manusia) Pengurusan (Perniagaan) Pentadbiran Perakaunan Kaunseling Teknologi Maklumat Sains Kejurulatihan Penguatkuasaan Undang-undang	RM 15,950
Pendidikan Awal Kanak-kanak	RM 13,790
Pengajian Syariah Pengajian Usuluddin	RM 12,470